Utusan Borneo: 24 November 2026

Lelaki warga asing salah guna dadah dipenjara lima bulan dan diusir

MIRI: Seorang lelaki warga asing dijatuhi hukuman penjara lima bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tujuan pengusiran selepas menjalani hukuman penjara kelak.

Tertuduh, Heriyanto, 38, dari Indonesia, terdahulu mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan di bawah Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Mengikut kesalahan itu, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati menggunakan dadah berbahaya jenis Methylenedioxy-amphetamine (MDA) dan 3,4-Methylenedioxymeth-amphetamine (MDMA) yang tersenarai di dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke tubuh sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 2.40 pagi, 9 Ogos lalu di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri.

Pendakwaan kes dijalankan pegawai pendakwa Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Umi Syukriah Harun manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.